



07 JAN, 2025

## TNB bangun bakat baharu sukan hoki

Kosmo, Malaysia



# TNB bangun bakat baharu sukan hoki

**KUALA LUMPUR** — Tenaga Nasional Berhad (TNB) terus memacu usaha membangunkan sukan hoki negara, kali ini menerusi pengajuran Kejohanan Hoki 6 dan 7 Sebelah Piala Thunderbolts di Padang Kelab Kilat TNB pada 27 hingga 29 Disember lalu.

Dibuka kepada lelaki dan wanita untuk kategori bawah 18 dan bawah 12 tahun, ia membantu meningkatkan kesedaran tentang hoki dalam kalangan masyarakat, sambil mempromosikan TNB sebagai syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang merupakan tunjang utama bagi sukan hoki di Malaysia.

Antara keunikan kejohanan yang kali terakhir dianjurkan pada 2019 itu ialah penggunaan saiz padang yang lebih kecil, memberi peluang kepada 1,200 pesertanya menonjolkan kemahiran teknikal masing-masing.

Ia dilihat sebagai platform terbaik untuk mencari bakat baharu hoki tempatan yang berpotensi dipromosikan ke peringkat yang lebih tinggi.

Pengerusi TNB, Tan Sri Abdul Razak Abdul Majid berkata, di samping fungsi tradisinya menjana tenaga untuk negara, TNB cukup sinonim dengan pembangunan sukan hoki Malaysia, termasuk menerusi pembangunan berstruktur daripada peringkat akar umbi.

Jelasnya, Projek Thunderbolts misalnya, merupakan program



**KEJOHANAN Hoki 6 dan 7 Sebelah Piala Thunderbolts memberi peluang kepada bakat muda menonjolkan kemahiran teknikal dan mencipta nama dalam sukan hoki.**

pembangunan bakat sukan hoki yang bermula daripada pengesanan dan pengasuhan bakat serta penyediaan latihan untuk remaja tempatan bersaing di peringkat nasional dan antarabangsa.

"Ia memberi peluang kepada anak-anak muda mencipta nama

dalam sukan hoki, termasuk beraksi untuk pasukan Thunderbolts milik TNB dalam saingan liga tempatan dan menjulang maruah negara di pentas antarabangsa bersama pasukan kebangsaan.

"TNB Thunderbolts bukan sekadar projek pembangunan su-

kan, tetapi turut menjadi program identiti untuk mempromosi TNB sebagai GLC yang membantu pembangunan sukan hoki, selaras dengan seruan kerajaan iaitu Satu GLC Satu Sukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada kejohanan berke-

naan, yang turut dihadiri Presiden Persatuan Hoki Kuala Lumpur (PHKL), I Vikneswaran dan Ketua Penolong Pengarah Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Dr. Izham Md. Isa.

Abdul Razak menambah, acara kali ini turut memiliki keistimewaan tersendiri, dengan venue kejohanan tersebut pernah menyaksikan detik kegemilangan sukan hoki negara menerusi kejayaan cemerlang pasukan lelaki hoki Malaysia melayakkkan diri ke saingan separuh akhir Piala Dunia 1975.

"Kita kini di ambang sambutan 50 tahun catatan sejarah berkenaan, sekali gun menjadi masa terbaik untuk mencetuskan reformat sukan hoki dan mengembangkan kegemilangan.

"Agak malang, kita telah terleka dan membenarkan negara-negara lain khususnya di benua Eropah pesat berkembang maju dan membangun menjadi kuasa-kuasa baru hoki dunia dan meninggalkan Malaysia.

"Apapun, kejayaan kuasa-kuasa baharu sukan hoki dunia ini menunjukkan bahawa Malaysia, sebagai negara yang pernah menduduki tempat keempat dunia, dengan iltizam dan semangat serta keyakinan diri, mampu kembali menguasai sukan hoki ini.

"Kita mampu kembali menjadi gergasi sukan hoki di pentas antarabangsa," katanya.